



JURNAL LINGUISTIK Vol. 30 (1) Mei 2026 (069-082)

NusaKata: Pelestarian Kata Arkaik Bahasa Melayu Bermedium Digital

¹Nur Shakirah Rosmadi, ²Mohd Tarmizi Hasrah & ³Ruzita Ahmad

nur_shakirah_r@slcp.uum.edu.my, h.tarmizi@uum.edu.my & ruzitaahmad@uum.edu.my

^{1,2}*Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah*
³*Pusat Pengajian Pengkomputeran*
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

¹**Penulis utama*

Tarikh terima : 10 Februari 2026
Received
 Terima untuk diterbitkan : 21 April 2026
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2026
Published online

Abstrak

Bahasa Melayu merupakan wadah pemikiran yang membentuk identiti dan jati diri bangsa. Walau bagaimanapun, peredaran zaman dan ledakan teknologi maklumat telah menyebabkan banyak kosa kata tradisional, khususnya kata arkaik, semakin terpinggir dan dilupakan oleh generasi baharu. Makalah ini bertujuan untuk melaporkan pembangunan NusaKata, sebuah prototaip kamus digital interaktif yang direka khusus untuk memelihara dan memulihara kata arkaik bahasa Melayu. Metodologi pembangunan sistem ini mengaplikasikan model ADDIE (*Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation*). Data kajian dicuplik daripada *Kamus Dewan Perdana* (2020) yang melibatkan 50 entri kata arkaik bagi pembangunan NusaKata peringkat prototaip. NusaKata mengintegrasikan elemen multimedia seperti transkripsi fonetik, rakaman audio sebutan daripada informan, contoh ayat, serta fungsi interaktif 'Cuba Suara' bagi meningkatkan pengalaman pengguna. Penilaian kebolegunaan yang melibatkan 30 orang mahasiswa daripada empat universiti awam menunjukkan tahap penerimaan yang tinggi terhadap sistem ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendigitalan bukan sahaja berupaya menyelamatkan khazanah leksikal yang kian pupus, malah berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan warisan linguistik silam dengan kemajuan teknologi kontemporari. Usaha ini juga dilihat sebagai langkah awal dalam menyokong agenda pemeribumian linguistik dan pembangunan model bahasa gedang (LLM) berasaskan bahasa Melayu jati.

Kata kunci: kata arkaik, NusaKata, kamus digital, pelestarian bahasa, model ADDIE.

NusaKata: Preserving Archaic Malay Words Through Digital Mediums

Abstract

The Malay language serves as a vehicle of thought that shapes the identity and character of its people. However, the passage of time and the explosion of information technology have caused many traditional vocabularies, specifically archaic words, to become marginalized and forgotten by the younger generation. This paper aims to report on the development of NusaKata, an interactive digital dictionary prototype specifically designed to preserve and conserve Malay archaic words. The system development methodology applies the ADDIE model (Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation). Research data were extracted from Kamus Dewan Perdana (2020), involving 50 archaic word entries for the prototype stage. NusaKata integrates multimedia elements such as phonetic transcriptions, recorded audio pronunciations from informants, example sentences, and

an interactive 'Voice Try' function to enhance user experience. A usability evaluation involving 30 undergraduates from four public universities indicated a high level of acceptance of the system. The findings suggest that digitalization not only saves a vanishing lexical heritage but also acts as a bridge connecting past linguistic legacy with contemporary technological advancements. This effort is also seen as a preliminary step in supporting the agenda of linguistic indigenization and the development of Large Language Models (LLM) based on authentic Malay.

Keywords: archaic words, NusaKata, digital dictionary, language preservation, ADDIE model

1. Pengenalan

Asmah (2008) mendefinisikan bahasa Melayu sebagai satu sistem lambang yang mewakili bunyi yang diluahkan menerusi percakapan harian yang digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menyampaikan fikiran, selain mengekspresikan budaya dan nilai kehidupan. Tambah Asmah (2008) lagi, dan disokong pula oleh Hassan (2016), bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, malah turut menjadi wadah pemikiran yang membentuk identiti dan jati diri bangsa yang menuturkannya. Maka, jelas sekali bahawa definisi yang dikemukakan oleh Asmah tersebut menggambarkan bahasa Melayu memainkan peranan yang lebih luas daripada sekadar medium pertuturan, kerana mencakupi fungsi yang sangat inti dan asasi dalam melestarikan tamadun dan warisan masyarakat bangsa Melayu. Seiring dengan pandangan Asmah tersebut ialah cerapan yang lebih awal lagi dikumandangkan oleh Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba (2019) yang menegaskan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa yang mencerminkan jiwa, pemikiran dan adat resam masyarakat Melayu yang menuturkannya sebagai bahasa ibu. Maka, bahasa tersebut menjadi wahana untuk mengekalkan kesinambungan tradisi, sejarah dan budaya bangsa dari satu generasi ke generasi yang lain secara tekal tanpa terputus buhulnya.

Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa bahasa Melayu bukannya sekadar alat komunikasi dan pengungkapan pemikiran dan perasaan, tetapi juga merupakan simbol identiti, warisan dan kebudayaan yang berjati diri justeru semestinya perlu dipelihara dan dipulihara dengan sesungguhnya berpandukan kepada pelbagai alat bantu moden terutama sekali teknologi maklumat dan perkomputeran. Apabila berbicara tentang warisan dan kelestarian bahasa Melayu dalam ledakan teknologi maklumat dan revolusi perkomputeran, salah satu aspek penting yang perlu diberikan khusus perhatian ialah pemeliharaan dan pemuliharaan kata arkaik, agar kata-kata langka dan tidak lagi digunakan itu boleh diangkat dan dihidupkan semula bagi memperkayakan korpus leksikal bahasa Melayu. Pengekalannya secara digital diyakini berdaya menyumbang sesuatu yang tidak sedikit dalam upaya negara membangunkan model bahasa gedang (*language large model* atau *LLM*) yang tersendiri dan mandiri berpaksikan bahasa Melayu jati sepenuhnya.

Dari segi takrif, kata arkaik merujuk kepada deretan leksikal yang jarang atau sudah tidak digunakan lagi dalam pertuturan harian masyarakat (Asmah, 2008), tetapi masih mempunyai nilai dari segi sejarah dan budaya, justeru wajar dibugar semula agar dapat digunakan dalam pertuturan seharian. Terdapat banyak kata arkaik dalam alam bahasa Melayu yang pernah digunakan secara meluas dalam kalangan generasi terdahulu, namun kini semakin dilupakan akibat perubahan zaman dan peralihan linguistik. Shahrir (2013) sebagai umpamanya menukulkan banyak perkataan sudah tidak lagi digunakan namun masih terkandung dalam simpulan bahasa tradisional tetapi tidak pernah ditakrifkan dalam kamus bahasa Melayu sejak Marsden (1812) dan juga Wilkinson (2017). Keadaan yang diperihalkan oleh Shahrir tersebut sepatutnya disesalkan. Hal ini dikatakan demikian kerana salah satu aspek untuk memperkasakan bahasa Melayu agar berdaya memenuhi syarat pembangunan model bahasa gedang ialah keberadaan deretan leksikal yang tidak putus rantaianya justeru beruang dalam suatu sistem semiotik yang kukuh bagi membolehkan dimensi teori dan model kebarangkalian (*probability*) dapat menjelma dengan jelas dan teratur.

Menurut Nik Safiah, Farid, Hashim & Abdul Hamid (2015), kata arkaik sering kali terpinggir dalam proses pembelajaran bahasa. Sebabnya ialah kata arkaik dianggap daftar kata yang sudah lapuk dan tidak canggih dengan semangat zaman, walhal kata arkaik merupakan sebahagian penting daripada khazanah bahasa yang sarat dengan bagai sejarah, kebudayaan dan tradisi. *Kamus Dewan Perdana* (2020) sebagai contoh memasukkan leksikal seperti *aghlaf* yang bermaksud "orang bukan Islam", *akah*

iaitu “sejenis penyu” dan *gul* yang merujuk kepada “bunga mawar”. Semua leksikal tersebut mencerminkan bentuk pertuturan yang pernah hidup dalam tamadun Nusantara dan Alam Melayu suatu ketika terdahulu. Penyebaran leksikal tersebut menunjukkan betapa kayanya perbendaharaan bahasa Melayu yang dibentuk dengan pelbagai prinsip sama ada onomatopoeia, ideofon mahupun analogi. Leksikal seperti yang dinyatakan itulah yang wajar diangkat dan dihidupkan kembali penggunaannya ketimbang meminjam leksikal secara langsung daripada bahasa Inggeris mahupun bahasa-bahasa semasa yang lain.

Dalam usaha memelihara dan mendokumentasikan kata arkaik bahasa Melayu, pelbagai inisiatif tentulah perlu dijalankan, terutama yang melibatkan pemerksaan secara teknologi seperti digitalisasi. Salah satu pendekatan yang relevan dan kontemporari, seperti yang dirumuskan oleh Zhang, Zhang, Xu & Hu (2026), ialah pembangunan kamus digital yang mengandungi entri kata arkaik bahasa Melayu. Kamus yang dimaksudkan bukan sahaja berdaya menghimpunkan leksikal yang sudahpun arkaik yang kini tidak atau sangat jarang digunakan, bahkan dapat menjadi medium pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif serta mudah diakses oleh khalayak ataupun masyarakat pengguna bahasa (Dziemiianko, 2010).

Perkataan arkaik seperti yang ditampilkan dalam contoh di atas iaitu *aghlaf*, *akah* dan *gul* sememangnya mengandungi nilai linguistik dan budaya yang penting untuk dikekalkan serta diperkenalkan semula kepada generasi baharu dan generasi yang akan datang. Sebagai nilai tambah, kamus yang dimaksudkan pastinya perlu turut disertakan dengan transkripsi fonetik, rakaman audio, serta imej sokongan bagi membantu pengguna memahami makna dan sebutan sebenar perkataan-perkataan arkaik yang menjadi entrinya. Melalui pembinaan kamus kata arkaik digital yang sistematik dan mesra pengguna, warisan bahasa Melayu dapat dilestarikan dalam bentuk yang kekal dan tahan lama, maka bersesuaian dengan kehendak zaman moden (Crystal, 2000).

Makalah ini bertujuan untuk melaporkan hasil penyelidikan yang bertujuan untuk membangunkan kamus digital bagi sebahagian besar kata arkaik bahasa Melayu yang dicuplik daripada *Kamus Dewan Perdana* (2020). Makalah ini menamakan kamus tersebut sebagai *NusaKata: Kamus Digital Kata Arkaik Bahasa Melayu* (selepas ini dirujuk sebagai NusaKata sahaja). Pembangunan NusaKata hanyalah langkah awal dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kata arkaik bahasa Melayu secara digital yang lebih luas dan terangkum. Tujuan pembangunan NusaKata tiada lain daripada penyerlahan hasrat untuk melestarikan dan memperkayakan khazanah perbendaharaan kata bahasa Melayu agar lestari dan mempunyai potensi untuk dihidupkan semula dalam penggunaan bahasa harian. Hasrat yang dimaksudkan dipasak pada premis yang pernah menjadi pegangan rasmi para penyusun *Oxford English Dictionary* (OED), iaitu pelestarian perkataan dalam sesebuah bahasa bukan sekadar bertujuan untuk digunakan dalam pertuturan sehari-hari, tetapi disebabkan perkataan pada hakikatnya mengandungi “...the meaning of everything” (Winchester, 2003).

2. Keperluan Mendigitalkan Kata Arkaik

Hasil tinjauan terhadap dokumentasi kajian lepas menunjukkan beberapa perkara penting terkait dengan pendigitalan kata arkaik terutama ke dalam bentuk kamus berpelantar digital. Pertama ialah kata arkaik sememangnya semakin pupus dan seterusnya dilupakan kerana jenis kata ini sememangnya sudah tidak lagi digunakan dalam pertuturan masyarakat. Maka, sudah menjadi lumrah bagi sesuatu yang tidak digunakan untuk hilang dan lenyap ditelan arus zaman. Kedua ialah sumber rujukan yang khusus tentangnya juga sangat terhad terutama yang berkaitan dengan pendigitalannya. Sehubungan dengan itu, tidaklah menghairankan jikalau Shahrir (2013) sebagai contoh gagal menemui takrif banyak perkataan dalam simpulan bahasa Melayu untuk merekonstruksi konsep sukatan yang dikandunginya. Ketiga, oleh sebab sumbernya terhad ditambah dengan ketiadaan usaha untuk mengalihkannya ke medium digital, maka kerja-buat pendigitalan kata arkaik amat diperlukan bagi memelihara dan memuliharanya. Oleh itu, pembangunan NusaKata yang dilaporkan dalam makalah ini hadir untuk mengisi kelompangan tersebut dengan menyediakan kamus yang berpelantarkan teknologi digital yang tentunya lebih kekal dan mudah dicapai oleh khalayak pengguna secara bebas. Perbincangan dalam tajuk kecil di bawah membincangkan ketiga-tiga perkara yang dibangkitkan dengan lebih terperinci.

2.1 Keputusan

Seperti yang dikupas dalam bahagian pengenalan, kata arkaik ialah kosa kata lama yang jarang bahkan tidak langsung digunakan dalam bahasa Melayu semasa. Maka, kata arkaik sudah tentunya dianggap asing oleh generasi baharu. Beberapa peristiwa boleh dijadikan kiasan untuk membayangkan sifat keasingan yang dialami oleh kata arkaik dengan penutur generasi baharu kini. Salah satunya ialah apabila Perdana Menteri Malaysia ke-10 menggunakan beberapa leksikal yang jarang atau tidak didengari sebelum ini, maka sebahagian besar rakyat pun berasa janggal. Begitulah keadaannya dengan kata arkaik. Kalau digunakan, pasti akan menimbulkan kesan kejanggalan. Dalam pada itu, perkembangan bahasa Melayu moden pun telah mengurangkan penggunaan kosa kata tradisional justeru tergolong ke dalam kata arkaik kerana masyarakat lebih cenderung menggunakan kosa kata dan istilah baharu yang akrab dipengaruhi oleh perubahan sosial dan juga penjajahan. Hal ini sejajar dengan pandangan Hashim (2006) sebagai misal yang menegaskan bahawa banyak kata Melayu yang digunakan dalam bahasa Melayu klasik tidak lagi difahami oleh penutur muda kerana kata berkenaan tidak digunakan dalam wacana harian, malah hanya ditemui dalam teks sastera lama yang sememangnya tidak dimengerti langsung kalau dibaca tanpa notasi atau penjelasan tambahan di bahagian nota kaki dan nota hujung. Keadaan yang diperikan ini menunjukkan bahawa wujud jurang generasi dalam pemahaman kosa kata arkaik, sekali gus menyebabkan warisan linguistik watan yang tradisional tetapi sarat dengan bagasi sejarah, budaya dan jati diri beransur-ansur terpinggir dan dilupakan langsung.

Keterpinggiran kosa kata adalah kerana kosa kata berkenaan dianggap kurang relevan dengan keperluan komunikasi semasa. Namun demikian, tanggapan tersebut tidak sepenuhnya benar. Sebabnya ialah tidak semua kosa kata tradisional asing dan tidak relevan, justeru dapat dikatakan sebagai tergolong ke dalam kategori kata arkaik. Hal yang sebaliknya ialah sebahagian daripada kosa kata tradisional masih mengekalkan nilai estetika dan budaya yang tinggi terutama yang digunakan dalam karya sastera serta penulisan kreatif yang menekankan kehalusan dan ketekunan wacana bahasa. Sebagai contoh, Shaharir (2016) menggunakan ungkapan ‘pradurja’ sebagai padanan kepada ‘prakata.’ ‘Pradurja’ sememangnya kata arkaik tetapi boleh digunakan kalau kena konteksnya justeru menonjolkan nuansa estetika yang dimaksudkan. Sehubungan dengan, kegagalan melaksanakan usaha pemeliharaan kosa kata lama membuatkan proses kehilangannya akan menjadi lebih cepat terutama dalam era globalisasi yang memperlihatkan kecenderungan yang galak tidak tentu hala terhadap penyerapan istilah asing terutama daripada bahasa Inggeris.

2.2 Keterbatasan

Walaupun bahasa Melayu mempunyai khazanah kosa kata yang luas dan gedang, tetapi sumber rujukan khusus bagi kata arkaik masih sangat terbatas dan kurang diberi perhatian (Rahim, 1988; Nor Azizah, 2024). Faktanya ialah pendokumentasian bahasa Melayu sememangnya perlu dilakukan secara menyeluruh agar variasi leksikal termasuk kosa kata lama atau arkaik tidak hilang ditelan arus perubahan. Namun begitu, realiti yang terpancar kini ialah kebanyakan kamus umum bahasa Melayu seperti *Kamus Dewan* (2004) dan *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (1995) termasuk *Kamus Dewan Perdana* (2020) sekadar memuatkan sebahagian kecil kosa kata arkaik, dan tanpa penjelasan yang mendalam terutama tentang cara sebutan dan konteks penggunaannya yang tepat. Ehwal yang diperikan ini turut disokong oleh Hashim (2006) yang menegaskan bahawa usaha penelitian leksikografi di Malaysia lebih tertumpu kepada pendokumentasian bahasa semasa. Manakala kosa kata klasik dan arkaik tidak pula diberikan pertimbangan secara sistematik untuk dimasukkan sebagai entri terutama melibatkan penelitian etimologi mahupun dimensi linguistik sejarawi yang berupaya membentangkan maklumat yang terperinci tentangnya. Dalam masa yang sama wujud keterbatasan tentang pendokumentasian kata arkaik yang tidak dilanjutkan kepada penyediaan platform khusus yang mudah diakses oleh pengguna, khususnya dalam bentuk digital yang bersifat mesra pengajaran dan pembelajaran bahasa.

2.3 Pendigitalan

Perkembangan teknologi maklumat telah membawa perubahan besar dalam bidang leksikografi secara khusus dan linguistik secara umum, termasuklah perubahan dalam keperluan untuk mendigitalkan sumber dan maklumat bahasa agar lebih mudah diakses dan lebih kekal. Menurut hemat Crystal (2000), bahasa yang tidak disesuaikan dengan teknologi digital berisiko menjadi terpinggir. Hal ini dikatakan demikian kerana generasi baharu lebih cenderung kepada platform moden yang interaktif seperti media sosial dan internet. Sehubungan dengan itu usaha pemeliharaan bahasa perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi supaya warisan bahasa Melayu dapat diperkasakan melalui inovasi digital. Tanpa pendigitalan, kosa kata lama dan arkaik hanya kekal dalam bentuk bercetak yang terhad capaian dan penggunaannya.

Penggunaan aplikasi digital termasuklah kecerdasan buatan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa sememangnya mampu meningkatkan keberkesanan penguasaan kosa kata kerana lebih interaktif, mudah diakses dan juga mesra pengguna (Regina, Simon & Sandra, 2025). Walaupun demikian kebanyakan aplikasi dan platform kecerdasan buatan yang sedia ada kini hanya memberi fokus kepada kosa kata semasa milik sesuatu bahasa, manakala kata arkaik dan kuno masih belum diberi ruang yang sewajarnya. Hakikatnya ialah transformasi digital berdaya membuka peluang yang luas untuk bergerak ke arah pendokumentasian bahasa. Akan tetapi, oleh sebab kurangnya inisiatif dan usaha khusus yang diberikan terhadap kosa kata klasik, hal tersebut menyebabkan pengetahuan tentang semakin lupalu.

3. Metodologi Dan Reka Bentuk Sistem

Usaha membangunkan NusaKata memerlukan metodologi yang betul dengan menggabungkan cara kerja pembangunan sistem kamus digital dan pemaparan maklumat linguistik.

3.1 Cara Kerja Pembangunan Sistem

Proses pembangunan NusaKata yang diaplikasikan dalam makalah ini adalah model reka bentuk sistem yang dikemukakan oleh Rosset (dlm. Sunanto, 2018) yang dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai *Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation* (ADDIE). Rajah 1 di bawah memaparkan carta alir yang mewakili semua proses yang dijalankan sewaktu pembangunan NusaKata.

Rajah 1

Carta alir pembangunan NusaKata.



Sumber Disesuaikan daripada Rosset (dlm. Sunanto, 2018)

Perincian bagi setiap fasa yang dinyatakan dalam Rajah 1 diperturunkan dalam subtopik yang berikut.

3.1.1 Fasa pertama (Analisis)

Dalam fasa analisis, pengkaji mengenal pasti keperluan projek dan sasaran penggunaannya. Keperluan projek ialah pembinaan sebuah e-Kamus interaktif bagi memperkenalkan perkataan arkaik bahasa Melayu kepada masyarakat pengguna bahasa semasa. E-kamus yang dimaksudkan diberi nama sebagai NusaKata. Pengumpulan data awal yang digunakan dalam NusaKata dilakukan melalui pembacaan artikel dan sebarang dokumentasi bertulis berkaitan kajian linguistik dan bahasa Melayu sebagai tahap awal untuk memahami latar belakang kajian. Selain itu, pengkaji juga mencari dan mengenal pasti informan yang sesuai untuk dijadikan penyumbang suara bagi rakaman audio setiap kata arkaik yang terlibat. Informan audio tersebut ditemuramah pada 14 Jun 2025 melalui platform *Google Meet* bagi tujuan pengenalan diri dan penerangan awal tentang objektif kajian serta peranan yang dimainkan sewaktu rakaman suara dilakukan. Fasa analisis penting untuk memastikan segala maklumat dan keperluan asas projek dirancang dengan teliti sebelum pembinaan sistem NusaKata dijalankan.

3.1.2 Fasa kedua (Reka Bentuk)

Dalam fasa reka bentuk, pengkaji merancang struktur sistem NusaKata dan bentuk persembahan maklumat yang sesuai untuk sasaran pengguna seperti pelajar, penyelidik dan individu yang berminat terhadap kata arkaik bahasa Melayu. Reka bentuk awal NusaKata dibangunkan menggunakan perisian Figma kerana platform tersebut lebih mudah digunakan, intuitif serta membolehkan penghasilan *mockup* visual tanpa memerlukan kemahiran grafik yang kompleks. Melalui perisian Figma, pengkaji menyusun elemen penting NusaKata seperti tajuk, entri, butang audio, ikon navigasi dan ruang transkripsi fonetik dengan susun atur halaman utama bersekali dengan paparan entri yang kemas serta konsisten bagi meningkatkan kefungsiannya dan pengalaman pengguna. Aspek kebolehaksesan turut diberi perhatian yang sewajarnya, dan ini termasuklah saiz fon, warna yang kontras dan susunan elemen yang logik supaya sistem NusaKata sesuai digunakan oleh pelbagai lapisan pengguna. Selain itu, perancangan fasa reka bentuk turut melibatkan logik aliran maklumat, urutan antara muka dan kaedah penyampaian kandungan interaktif bagi menyokong objektif kajian iaitu memperkenalkan kosa kata arkaik bahasa Melayu secara sistematik, menarik dan mudah difahami.

3.1.3 Fasa ketiga (Pembangunan)

Fasa pembangunan sistem NusaKata menggunakan *MySQL* dalam persekitaran *Laragon* sebagai pangkalan data utama bagi menyimpan senarai kata, definisi, fungsi tatabahasa dan maklumat sokongan lain secara teratur, mudah dicapai dan selamat, sekali gus memudahkan proses kemas kini, carian dan penambahan entri baharu. *MySQL* turut diintegrasikan dengan antaramuka NusaKata bagi memastikan paparan makna, contoh ayat dan maklumat fonetik dapat dihasilkan dengan cepat dan tepat. *Visual Studio Code (VSC)* digunakan sebagai persekitaran pembangunan bagi mengurus semua fail projek termasuk kod sumber, struktur direktori dan fail audio. Dari aspek teknikal, *HTML* digunakan untuk membina bahagian *frontend* yang mesra pengguna dan responsif, manakala *PHP* berfungsi sebagai *backend* untuk memproses permintaan, menghubungkan sistem dengan pangkalan data serta menjana paparan yang dinamik. Setiap entri kata arkaik disusun dengan maklumat lengkap seperti makna, transkripsi fonetik, contoh ayat dan cadangan konteks penggunaan moden, serta dilengkapi audio rujukan daripada penutur sebenar (informan yang disentuh dalam fasa analisis) untuk memastikan ketepatan sebutan. Sistem NusaKata juga menyediakan fungsi cuba suara untuk membolehkan pengguna merakam dan membandingkan sebutan mereka dengan sebutan informan. Selain itu, NusaKata juga turut disertakan dengan bahagian maklumat tambahan seperti senarai buku, artikel dan kajian berkaitan untuk menyokong penyelidikan dan pembelajaran yang lebih lanjut.

3.1.4 Fasa keempat (Pelaksanaan)

Dalam fasa pelaksanaan, pengkaji memastikan setiap fungsi yang terkandung dalam sistem NusaKata disemak dengan teliti sebelum diuji dengan responden yang dipilih secara khusus. Proses semakan yang

dimaksudkan dilakukan secara berkala, meliputi keseluruhan komponen sistem NusaKata seperti senarai kata arkaik, ketepatan makna, transkripsi fonetik, contoh ayat, serta fungsi interaktif seperti audio sebutan dan navigasi antara muka. Tindakan penyemakan adalah bertujuan untuk memastikan tiada ralat teknikal atau kesilapan maklumat yang boleh menjejaskan kefungsi sistem NusaKata semasa sesi ujian sebenar. Amalan penyemakan rapi memberi tentunya impak positif kerana berdaya menjamin kualiti data, meningkatkan kebolehppercayaan pengguna terhadap kandungan kamus, serta memastikan pengalaman penggunaan yang lancar tanpa gangguan. Tuntasnya, pendekatan yang dikupas dalam fasa keempat sememangnya membantu menghasilkan sistem NusaKata yang stabil, tepat dan bersedia sepenuhnya untuk dinilai dengan kritis dan terperinci oleh responden.

3.1.5 Fasa kelima (Penilaian)

Fasa pelaksanaan projek NusaKata dijalankan dengan menguji prototaip kamus digital NusaKata kepada responden yang dipilih khas daripada empat universiti awam yang ada menawarkan kursus berkaitan linguistik dan bahasa Melayu. Universiti yang terlibat ialah Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pemilihan responden dilakukan secara rawak dengan prinsip semua mahasiswa yang mengambil kursus linguistik dan bahasa Melayu di universiti yang dinyatakan adalah layak dipilih sebagai responden tanpa mengelaskan mereka mengikut tahun pengajian. Jumlah keseluruhan responden yang terlibat ialah 30 orang. Jadual berikut memaparkan taburan responden:

Jadual 1

Taburan responden

KATEGORI	SUBKATEGORI	BILANGAN	PERATUSAN (%)
Jantina	Lelaki	18	40
	Perempuan	12	60
Umur	20	2	6.7
	21	3	10
	22	5	16.7
	23	12	40
	24	3	10
	25	2	6.7
	26	1	3.3
	31	1	3.3
	32	1	3.3
Universiti	UUM	6	20
	UM	7	23.3
	UKM	8	26.7
	UPSI	9	30

Pewajaran pemilihan informan yang dilakukan secara rawak adalah disebabkan peranan mereka adalah sekadar menilai kebolegunaan NusaKata. Jadi, pada hemat pengkaji, mendapatkan maklumat penilaian tersebut tidak sekompleks mendapatkan data bahasa, maka penentuan pemilihan responden yang terlibat boleh dikendurkan sedikit. Terkait dengan ehwal yang dinyatakan juga, bagi mendapatkan responden yang dimaksudkan, pengkaji telah menghubungi para pensyarah yang mengajar kursus menerusi surat rasmi untuk membekalkan maklumat asas seperti nama, nombor telefon dan alamat emel responden yang berpotensi. Tujuan semua maklumat tersebut adalah untuk membolehkan pengkaji mendapatkan persetujuan para calon responden. Bagi responden yang bersetuju untuk terlibat, mereka akan dimaklumkan secara rasmi dengan surat. Mereka juga akan dibekalkan dengan maklumat kerahsiaan menerusi pengisian borang.

Sebelum sistem NusaKata diberikan kepada para responden yang terpilih, pengkaji terlebih dahulu menyerahkan prototaipnya kepada dua orang pensyarah di Universiti Utara Malaysia, iaitu seorang pensyarah linguistik dan seorang lagi pensyarah teknologi maklumat. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklum balas awal serta memastikan setiap komponen sistem NusaKata menepati

objektif kajian dan standard akademik dalam bidang linguistik dan teknologi maklumat. Proses semakan awal yang dilakukan oleh kedua-dua orang pensyarah berkenaan sangat penting untuk membolehkan pengenalan pastian sebarang kekurangan atau kesilapan yang mungkin menjejaskan keberkesanan NusaKata dalam ujian sebenar dengan responden.

Seterusnya dinilai lulus oleh kedua-dua orang pensyarah barulah sesi pelaksanaan pengujian bersama responden dijalankan melalui *Google Meet*, *WhatsApp*, serta pertemuan fizikal bagi memudahkan demonstrasi penggunaan kamus secara langsung. Setiap responden diberikan penerangan terperinci tentang cara mengakses serta menggunakan fungsi-fungsi utama kamus digital NusaKata, sebelum mereka diminta mengisi borang soal selidik yang dibuat khusus melalui platform *Google Form*. Tujuan soal selidik adalah untuk menilai aspek keberkesanan, kebolegunaan dan kualiti sistem NusaKata. Maklum balas daripada pensyarah dan responden digunakan sebagai asas penambahbaikan sistem NusaKata pada peringkat pembangunan seterusnya, sekali gus memastikan NusaKata mencapai tahap fungsi dan kualiti yang optimum.

3.2 Pemaparan Maklumat Linguistik

Sumber data yang dicuplik bagi kegunaan pembangunan NusaKata ialah *Kamus Dewan Perdana* (2020); versi portal dilancarkan pada April 2026. Sebanyak 50 perkataan arkaik dipilih sebagai leksikal untuk dijadikan kata masukan NusaKata. Penentuan 50 perkataan arkaik dilakukan kerana pembangunan NusaKata masih bertaraf prototaip. Sehubungan dengan itu 50 perkataan arkaik berkenaan hanya berperanan sebagai penguji kebolehooperasian dan kebolegunaan prototaip yang dibangunkan. Pemilihan kesemua perkataan arkaik adalah melalui proses penyaringan secara manual sepenuhnya daripada *Kamus Dewan Perdana*. Pemilihan jumlahnya dilakukan secara teliti menerusi pencarian entri demi entri yang memakan masa selama 13 hari (*triple-check*) berturut-turut bagi memastikan setiap kata berlabel (*Ark*) dapat dikumpulkan dengan tepat. Walaupun sedikit, pada hemat pengkaji, pemilihan 50 kata arkaik sudah dianggap berpada dan juga memenuhi syarat keterwakilan disebabkan pembangunan NusaKata yang masih bersifat preliminari.

Pemaparan semua kata arkaik dilakukan menurut modus operandi khusus, iaitu (i) mengalihkan maklumat linguistik yang dimiliki oleh kata arkaik daripada medium bercetak (*Kamus Dewan Perdana*) kepada medium digital (NusaKata). Transkripsi fonetik dikerjakan menggunakan IPA bagi kata arkaik yang ada transkripsi dalam kamus. Bagi yang tidak ada, rujukan silang terhadap pengkalan data linguistik bahasa Austronesia dilakukan. Pangkalan data yang terlibat ialah *Austronesian Comparative Dictionary*, *SEALANG*, *Malay Concordance Project* termasuk hasil rekonstruksi bahasa purba seperti yang dikerjakan oleh Dempwolff (1934, 1937, 1938) dan Wolff (2010).

Dari segi penyebutan pula, rakaman suara dilakukan menggunakan suara informan yang telah pun dinyatakan dalam kupasan tentang fasa pertama pembangunan NusaKata. Penyebutan informan adalah berpandukan kepada transkripsi fonetik bagi setiap kata arkaik yang dijadikan entri NusaKata.

4. Dapatan Kajian

NusaKata telah berjaya dibangunkan sebagai sebuah e-Kamus digital yang menumpukan kepada pengumpulan, pemeliharaan dan penyampaian kosa kata arkaik bahasa Melayu secara lebih sistematik dan mudah diakses berbanding dengan kamus fizikal yang tentunya mengandungi banyak kekangan yang tidak ada pada kamus digital. NusaKata dilengkapi dengan beberapa elemen utama iaitu paparan perkataan arkaik, makna, transkripsi fonetik, contoh ayat dan cadangan penggunaan. Selain itu, NusaKata turut menyediakan audio sebutan bagi membantu pengguna memahami dan mempelajari perkataan tersebut dengan lebih tepat. Reka bentuk setiap halaman NusaKata turut disusun secara teratur bagi memastikan pengalaman pengguna yang mesra, jelas dan efektif. Perenggan-perenggan yang berikut memerikan elemen setiap halaman NusaKata.

Halaman utama berfungsi sebagai halaman utama yang menyambut pengguna ketika mereka memasuki sistem e-Kamus NusaKata. Di bahagian kanan halaman dipaparkan logo rasmi NusaKata, yang berperanan sebagai identiti visual utama bagi menyerlahkan tema budaya dan warisan bahasa

Melayu yang dibawa oleh sistem ini. Turut disediakan sebuah butang ‘Mula’ yang berfungsi sebagai pintu masuk ke halaman seterusnya. Apabila diklik, pengguna dibawa ke paparan kandungan utama e-Kamus, menjadikan navigasi lebih mudah dan mesra pengguna. Halaman menu menyediakan dua pilihan utama untuk memudahkan navigasi pengguna dalam sistem NusaKata. Pilihan pertama ialah Senarai Kata Arkaik, yang memaparkan himpunan perkataan arkaik bahasa Melayu lengkap dengan makna, transkripsi fonetik, contoh ayat, dan cadangan kegunaan dan audio sebutan. Pilihan kedua ialah Sejarah Kata Arkaik, yang memberi maklumat ringkas mengenai latar belakang, asal-usul serta perkembangan penggunaan perkataan tersebut. Kedua-dua menu ini membantu pengguna memilih bahagian yang ingin diterokai dengan lebih mudah dan teratur. Halaman pilihan carian kata memaparkan kad susunan abjad dari A hingga Z bagi memudahkan pengguna memilih perkataan arkaik berdasarkan huruf awal yang dikehendaki. Setiap kad abjad disusun secara teratur untuk membantu navigasi yang lebih cepat dan jelas. Di bahagian bawah setiap kad turut disediakan butang “Pilih” yang akan membawa pengguna ke halaman senarai perkataan bagi abjad tersebut. Susunan sedemikian menjadikan proses pencarian perkataan lebih teratur, mesra pengguna dan mudah difahami.

Halaman senarai entri mengikut abjad memaparkan maklumat lengkap bagi setiap kata arkaik bahasa Melayu, termasuk makna, transkripsi fonetik, contoh ayat dan cadangan kegunaan untuk membantu pengguna memahami konteks penggunaan perkataan tersebut. Selain itu, terdapat dua fungsi audio iaitu audio sedia ada untuk memainkan sebutan yang telah direkodkan dan fungsi cuba suara yang membolehkan pengguna membuat rakaman suara sendiri bagi membandingkan sebutan. Di bahagian bawah halaman, tersedia butang “Sebelumnya” dan “Seterusnya” untuk memudahkan pengguna menavigasi ke perkataan lain dalam senarai dengan lebih cepat dan teratur. Halaman ini turut menyediakan ruangan cari kata yang membolehkan pengguna memasukkan kata arkaik yang ingin dicari dengan cepat dan mudah. Di bawah ruangan tersebut terdapat butang “Cari”, yang berfungsi untuk memproses perkataan yang dimasukkan dan memaparkan hasil carian yang berkaitan. Ciri tersebut membantu pengguna mendapatkan maklumat kata tertentu tanpa perlu melalui keseluruhan senarai, sekali gus menjadikan pengalaman penggunaan lebih efisien dan mesra pengguna. Maklumat lengkap bagi setiap kata arkaik bahasa Melayu secara terus tanpa mengikut susunan abjad turut dipaparkan, maka menjadikannya lebih mudah untuk pengguna meneliti perkataan satu per satu. Setiap kata ditempelkan sekali bersama makna, transkripsi fonetik, contoh ayat dan cadangan kegunaan bagi membantu pemahaman yang lebih menyeluruh. Selain itu, turut disediakan dua fungsi audio iaitu audio sedia ada untuk mendengar sebutan yang betul dan cuba suara untuk pengguna merakam serta membandingkan sebutan mereka sendiri. Susunan maklumat secara terus ini membolehkan pengguna melihat keseluruhan data perkataan dengan lebih cepat dan jelas.

Halaman sejarah kata arkaik bahasa Melayu memaparkan maklumat ringkas mengenai buku-buku rujukan yang membincangkan tentang kata arkaik, termasuk latar belakang penerbitan, penulis serta fokus utama kandungannya. Tujuan halaman ini adalah untuk memberi pengguna pemahaman tentang sumber akademik yang menyokong pengumpulan dan pemeliharaan perkataan arkaik, sekali gus menunjukkan asas ilmiah di sebalik pembangunan NusaKata. Melalui maklumat yang disediakan, pengguna dapat mengenal pasti karya-karya penting yang berkaitan dengan sejarah dan perkembangan kata arkaik dalam bahasa Melayu. Selain itu, halaman sejarah kata arkaik turut menyediakan maklumat ringkas mengenai perkembangan kata-kata arkaik dalam bahasa Melayu dari sudut sejarah dan linguistik. Di sini, pengguna boleh menemui rujukan daripada artikel jurnal yang membincangkan asal-usul, penggunaan, dan transformasi kata arkaik dari zaman dahulu sehingga kini. Setiap entri menekankan kepentingan kata tersebut dalam konteks budaya, sastera, dan komunikasi tradisional, serta menyediakan panduan untuk memahami bagaimana kata-kata lama ini masih relevan atau memberi impak kepada bahasa Melayu moden. Kewujudan halaman ini bertujuan membantu pengguna memahami evolusi bahasa Melayu secara menyeluruh melalui sumber akademik yang sahih. Halaman menu sejarah kata arkaik bahasa Melayu membolehkan pengguna menelusuri perkembangan kata-kata arkaik dalam bahasa Melayu dengan lebih terperinci. Di samping itu, ia menyediakan pautan ke empat laman rasmi yang boleh digunakan untuk carian maklumat arkaik secara lebih menyeluruh dan tepat. Laman-laman ini menawarkan sumber akademik dan rujukan yang membantu pengguna memahami asal-usul, penggunaan, dan kepentingan kata-kata lama dalam konteks sejarah, budaya, dan sastera Melayu, sekali gus memudahkan kajian atau penjejajahan bahasa Melayu secara lebih sistematik.

4.1. Penilaian

Hasil kajian penerimaan yang dilakukan terhadap sistem NusaKata menunjukkan tahap ketersediaan yang tinggi dalam kalangan responden tentang pendigitalan kosa kata arkaik bahasa Melayu. Dalam hal ini majoriti responden memberikan maklum balas positif terhadap elemen interaktif yang disediakan, terutamanya integrasi audio dan transkripsi fonetik yang jarang ditemui dalam kamus digital sedia ada. Penerimaan ini membuktikan bahawa khalayak akademik dan peminat bahasa sangat mendahagakan medium rujukan yang bukan sahaja berfungsi sebagai gedung maklumat, malah sebagai platform pembelajaran aktif yang menggabungkan kemahiran mendengar dan menyebut melalui ciri ‘Cuba Suara’.

Refleksi yang boleh ditampilkan daripada proses pembangunan NusaKata menyedarkan pengkaji tentang betapa kritikalnya jurang antara khazanah bahasa klasik dengan literasi digital generasi masa kini. Sepanjang proses pembangunan NusaKata dilakukan, didapati bahawa banyak kosa kata arkaik yang mempunyai nilai estetika tinggi ternyata sudah lenyap daripada ingatan kolektif masyarakat tutur berbahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, pembangunan NusaKata bukan sekadar sebuah tugas akademik bagi memenuhi keperluan persijilan semata-mata, tetapi merupakan satu tanggungjawab moral pengkaji dalam memelihara identiti bangsa, walaupun pada takah ini NusaKata masih berstatus prototaip. Dalam konteks ini, upaya ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan yang dimaksudkan adalah dengan mentransformasikan data kualitatif yang diambil secara langsung daripada *Kamus Dewan Perdana* (2020) untuk ditukarkan ke dalam bentuk, makna dan sebutan digital agar tidak berlaku herotan maklumat. Ehwal ini enting untuk diberikan perhatian dengan sesungguhnya kerana tidak semua orang tahu membaca lambang fonetik jika terdapat dalam kamus. Maka, rakaman audio membantu pengguna untuk menyebut dengan betul setiap kata arkaik yang menjadi entri NusaKata.

Dari sudut teknikal pula, pengkaji mendapati bahawa penggunaan model ADDIE (*Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation*) sangat membantu dalam menyusun gerak kerja pembangunan NusaKata secara sistematik. Walaupun berhadapan dengan kekangan terutama dalam mencari sumber audio yang benar-benar menepati piawaian fonetik kata arkaik, namun sokongan daripada penama atau informan yang sudi untuk suaranya dirakam dalam audio selain sumbang saran dengan pihak yang berkepentingan telah membolehkan rintangan tersebut diatasi. Pengalaman mengintegrasikan pengkalan data *MySQL* dengan antara muka *PHP* juga telah mempertajamkan kemahiran teknikal pengkaji dalam bidang linguistik perkomputeran yang merupakan bidang hibrid, iaitu melibatkan bidang linguistik, sains perkomputeran dan teknologi maklumat, yang sangat relevan dalam era Revolusi Industri 4.0. Hasil penggabungan tersebut membolehkan NusaKata mendapat bentuk prototaip seperti yang ada kini.

Selain itu, rumusan yang dibuat daripada maklum balas responden yang terlibat telah berdaya memberikan dimensi baharu dalam memperkasakan refleksi pengkaji ke arah pembangunan alat bantu digital untuk kemajuan bahasa Melayu. Dalam hal ini dapatan kajian menunjukkan bahawa kebolegunaan (*usability*) sistem NusaKata berada pada tahap yang sangat baik. Namun begitu, terdapat cadangan daripada para responden agar sistem NusaKata diperluaskan ke dalam bentuk aplikasi mudah alih bermediumkan telefon pintar (*mobile app*) agar lebih mudah dicapai di mana-mana sahaja bukan sekadar prototaip laman sesawang. Cadangan tersebut mencerminkan bahawa pengguna masa kini lebih cenderung kepada akses maklumat yang pantas dan fleksibel, sekali gus memberikan hala tuju baharu bagi pengkaji untuk melakukan penambahbaikan NusaKata pada masa hadapan supaya prototaipnya dialihkan kepada e-kamus yang lebih kekal justeru lebih mudah dan luas capaiannya.

Tuntasnya ialah pembangunan NusaKata merupakan satu anjakan paradigma dalam usaha untuk melestarikan bahasa Melayu melalui medium digital. Untuk itu pengkaji berasa amat bersyukur kerana sistem NusaKata mampu menjadi jambatan yang menghubungkan kegemilangan bahasa Melayu pada masa silam dengan kemajuan teknologi pada zaman kontemporari. Atas dasar tersebut adalah diharapkan agar usaha kerdil penghasilan NusaKata dapat menjadi pemangkin kepada lebih banyak kajian dalam bidang dokumentasi bahasa digital, demi memastikan kosa kata arkaik tidak terus terkubur di dalam lipatan sejarah, tetapi terus mekar dalam sanubari dan komunikasi harian generasi akan datang. Salah satu dimensi yang mempunyai potensi untuk menerima tempias kemajuan kesan daripada

pemuliharaan dan pemeliharaan kata arkaik menerusi medium digital seperti yang menjadi hasrat NusaKata ialah pembangunan ilmu linguistik berasaskan epistemologi watan atau pemeribumian linguistik bahasa Melayu (Shaharir, 2022).

4.2. Kata Arkaik dan Pemeribumian Linguistik Bahasa Melayu

Dalam buku bertajuk *Istilah dan Konsep Pengukuran Tradisional Alam Melayu*, Shaharir (2013) menyinggung dengan mendalam tentang masalah yang dihadapi sewaktu mengupas konsep pengukuran menurut peribahasa Melayu. Antara masalah yang dibangkitkan ialah kegagalan kamus moden bahasa Melayu untuk memasukkan justeru mentakrifkan banyak istilah pengukuran klasik yang digunakan secara tekal dalam peribahasa dan juga simpulan bahasa. Masalah tersebut menjelmakan natijah bahawa terdapat banyak istilah yang mungkin mengandungi konsep yang bitara tentang konsep pengukuran asli kebudayaan Melayu, malangnya istilah berkenaan tidak dapat ditakrifkan dengan sebenarnya. Hal ini disebabkan entrinya tiada dalam kamus bahasa Melayu. Ketiadaannya di dalam kamus muktabar bahasa Melayu menjadikan istilah-istilah berkenaan sebagai arkaik. Maka, kegagalan mentakrifkan istilah-istilah yang terlibat dan ketiadaan maklumat tentang bentuk, makna dan konteks penggunaannya tentulah suatu kerugian yang sangat besar. Hal ini dikatakan demikian kerana ilmu peribumi tentang pengukuran yang boleh diterbitkan daripada pemahaman dan simpulan kemas terhadap makna yang dikandung oleh istilah-istilah berkenaan sememangnya berpontesi untuk dikembangkan lagi dengan canggihnya dan menginovasikan ilmu pengukuran moden yang kini menjadi sebahagian daripada cabang ilmu matematik.

Masalah yang dialami oleh Shaharir menunjukkan betapa pentingnya kata arkaik bahasa Melayu dibugarkan semula agar dapat digunakan dalam pertuturan seharian. Bukan sahaja dalam pertuturan, kata arkaik juga penting dalam pembangunan epistemologi watan yang mandiri. Yang dimaksudkan dengan epistemologi watan yang mandiri ialah pembangunan ilmu menurut acuan sendiri atau ilmu swaacuan. Dari segi prinsip, pembangunan epistemologi atau ilmu watan harus bermula dengan kegiatan menyahbina (*deconstruct*) sesuatu konsep ilmu yang sudah disepakati oleh kalangan ilmuwan. Kemudian, konsep ilmu berkenaan dibina semula (*reconstruct*) menurut makna yang menjadi bawaan istilah watan. Konsep ilmu yang baru dibina semula itu kemudiannya didialogkan dengan konsep ilmu serupa yang sedia ada bagi menentukan persamaan dan perbezaan dimensi semantikanya. Yang diutamakan tentulah perbezaan. Hal ini disebabkan perbezaan membolehkan inovasi ilmu dilakukan. Peranan yang dimainkan oleh kata arkaik ialah sewaktu pembinaan semula ilmu sesudah ilmu berkenaan dinyahbina disebabkan pembinaan semula ilmu memerlukan penggalan istilah atau perkataan asli dalam bahasa Melayu. Andaian yang melatari penggaliannya ialah falsafah Herderian dan Humboldtian (Forster, 2010). Falsafah tersebut menetapkan bahawa bahasa manusia mempengaruhi cara-gaya penuturnya berfikir. Dengan kata lain, bahasa tidak sejagat tetapi bijagat, yakni milik mutlak penuturnya kerana dengan bahasa itulah mereka beroleh alur pemikiran yang bermantik. Oleh sebab itu, untuk membangunkan epistemologi watan bagi menawarkan alternatif terhadap ilmu kontemporari, perkataan asli bahasa Melayu, terutama kata arkaik, berpotensi untuk ditegakkan sebagai teras pembinaannya.

Shaharir (t.t.) sebagai contohnya berusaha menghidupkan semula unsur pertentangan positif dan negatif dalam bahasa Melayu bagi sesuatu pernyataan dengan hanya menggunakan penanda tertentu iaitu penanda 'a'. Penanda tersebut ialah asli milik bahasa Melayu kuno yang kini sudah tidak lagi ketahui oleh para penutur bahasa Melayu. Maka, ia adalah sebahagian kata arkaik. Kewujudan penanda 'a' dijejak daripada bahasa Melayu purba menurut jalur bahasa Melayu Cham dan bahasa Khmer. Walaupun bertaraf arkaik, penanda 'a' sememangnya sudah terkandung dalam bahasa Melayu tanpa disedari. Sebagai contoh, perkataan bahasa Melayu 'aniaya' adalah berasal daripada perkataan 'nyaya' yang bererti logik dalam tradisi Hindu. Maka, erti 'nyaya' adalah positif asalanya sebab itu ia menjadi asas logik. Akan tetapi, apabila 'nyaya' masuk ke dalam bahasa Melayu, kata tersebut ditambah dengan penanda 'a' lantas menjadi 'aniaya' yang mengandungi makna yang negatif. Dalam Shaharir (t.t.) terdapat banyak contoh begini, antara lainnya ialah 'bahagia' lawan 'abahagia'.

Tentunya peranan kata arkaik adalah sangat penting dalam membangunkan linguistik bahasa Melayu menurut acuan watan. Namun begitu, kekangan untuk menghalai ke arah denai yang

dimaksudkan ialah istilah ‘bahasa’ dan konsep yang dikandungnya. Fakta sejarawi menunjukkan bahawa istilah ‘bahasa’ merupakan istilah dipinjam daripada perkataan Sanskrit ‘bhasa’ (Gonda, 1973). Maksudnya merujuk kepada percakapan manusia. Maka, istilah dan maksudnya yang tersebutlah yang digunakan dalam bahasa Melayu sejak dahulu. Kesannya ialah linguistik bahasa Melayu pun berpaksikan kepada sisi yang menjelmakan kegiatan memerikan pertuturan dan percakapan manusia yang berbahasa Melayu. Akan tetapi, isunya ialah kalau hendak membangunkan linguistik bahasa Melayu beracuan watan, paksinya tidak boleh dipasak pada istilah dan konsep yang dipinjam daripada bahasa selain bahasa Melayu. Jadi, yang perlu dicari ialah istilah watan yang asli bagi menggantikan istilah dan konsep ‘bahasa’. Soalnya ialah adakah istilah watan seperti yang tersebut? Terdapat beberapa pilihan yang boleh difikirkan iaitu ‘cakap’ dan ‘lidah’. Akan tetapi, kedua-duanya telah berubah maknanya walaupun tidak boleh dikategorikan sebagai arkaik. Sebagai misalnya, perkataan ‘cakap’ kini difahami sebagai kegiatan mengeluarkan bunyi berkalimat dan bermakna daripada alat ujaran. Perkataan ‘lidah’ pula sekadar merujuk salah satu organ yang terdapat di badan manusia. Akan tetapi, mungkin konsep kata arkaik boleh diluaskan lagi dengan memaksudkan arkaik dari segi makna. Kalau peluasan konsep kata arkaik itu diterima, maka kemungkinan untuk mengangkat istilah ‘cakap’ dan ‘lidah’ dalam bentuk maknanya yang paling kuno boleh dipertimbangkan kerana sudah tentunya makna asalnya lebih mendalam dan luas ketimbang lafaz daripada alat ujaran dan organ. Sehubungan dengan itu, bahasawan watan perlu memikirkan kemungkinan untuk memberikan nama baru kepada linguistik bahasa Melayu. Mungkin namanya ialah linguistik lidah Melayu, sebagaimana yang pernah menjadi judul karya yang dikarang oleh salah seorang bahasawan watan yang mempunyai kejatian iaitu Ahmad Ya’qub al-Johori (2021).

Walaupun pembangunan NusaKata yang dilaporkan dalam makalah ini masih bertaraf prototaip, namun objektif besarnya untuk menghimpunkan semula kata arkaik bahasa Melayu ke dalam medium digital sudah tentu berupaya membuka denai yang menghala ke arah penyelesaian masalah yang diperikan di atas. Sebagai contoh, masalah ketiadaan masukan kata arkaik peribahasa dan simpulan bahasa dalam kamus bahasa Melayu sedia ada sejak Marsden sampailah kepada *Kamus Dewan Perdana* boleh ditangani dengan memastikannya tercakup dalam entri NusaKata. Begitu juga dengan penjejakan istilah yang mengandungi dimensi makna yang mengorbit pada konsep ‘bahasa,’ semuanya perlu dikumpul dan dimasukkan ke dalam NusaKata sebagai masukan. Akan tetapi, bagi membolehkan NusaKata memasukkannya ke dalam pangkalan data, metodologi pembangunannya mestilah diperbaiki terlebih dahulu. Hal ini disebabkan pengenalan pastian bentuk dan makna kata arkaik tidak lagi boleh bersandarkan semata-mata kepada maklumat yang dibekalkan oleh kamus bahasa Melayu tetapi kamus-kamus bahasa sekerabat dengan bahasa Melayu, selain melibatkan penggalian maklumat daripada pangkalan data seumpama *Malay Concordance Project (CMP)* dan *Austronesia Comparative Dictionary*, termasuk juga manuskrip dan tradisi lisan yang lebih luas. Dengan data yang lebih luas, maka taraf NusaKata sebagai prototaip berpotensi untuk ditukarkan kepada pangkalan data yang lebih sempurna. Penukaran taraf seperti yang dimaksudkan tiada lain daripada mempermudah pengguna mencari perkataan yang sesuai untuk perekonstruksian makna bagi meneroka potensi keilmuan yang dikandungnya.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhan, pembangunan NusaKata yang dilaporkan dalam makalah ini berjaya menyediakan sebuah platform rujukan yang menghimpunkan senarai kata arkaik secara sistematik, mudah dicapai dan disusun mengikut keperluan pembelajaran semasa bahasa Melayu. Melalui integrasi makna, transkripsi fonetik, contoh ayat dan audio sebutan, NusaKata membantu pengguna memahami bentuk, fungsi dan konteks penggunaan kata arkaik dengan lebih tepat. Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan digital bukan sahaja memodenkan kaedah pendokumentasian leksikal, malah membuka ruang baharu untuk memelihara dan memperkenalkan kembali warisan bahasa Melayu kepada masyarakat masa kini.

Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pembangunan NusaKata berpotensi besar diperkasakan dalam usaha pemuliharaan bahasa warisan, khususnya bagi generasi muda ingin memahami bahasa Melayu yang sarat dengan nilai estetika dan ketepatan makna. Integrasi fonetik dan audio juga membantu meningkatkan penguasaan sebutan dengan lebih tepat, sekali gus mengatasi

kekangan pembelajaran yang berpandukan kepada teks semata-mata. Dalam konteks akademik, e-kamus NusaKata juga membuka ruang kepada penyelidikan lanjut dalam bidang leksikografi, dialektologi, linguistik sejarah, etimologi, fonetik dan tentunya linguistik perkomputeran. Selain itu, hasil pembangunan NusaKata turut membuktikan bahawa pendekatan digital mampu mengatasi keterbatasan sumber tradisional seperti manuskrip, buku lama dan arkib fizikal yang sukar dicapai oleh masyarakat umum.

Bagi pembangunan masa hadapan, beberapa penambahbaikan boleh dipertimbangkan, termasuk memperluaskan jumlah entri atau masukan perkataan arkaik bahasa Melayu termasuk mempelbagaikan data khususnya data variasi sosial dan dialek geografi serta memperkukuhkan fungsi carian NusaKata supaya lebih pintar dan terperinci. Selain itu, penambahan ciri interaktif seperti kuiz sebutan, gamifikasi serta analisis dan transkripsi automatik fonetik sudah tentunya boleh meningkatkan pengalaman dan pembelajaran pengguna. Sehubungan dengan itu, untuk kajian seterusnya ke arah pembangunan pangkalan data ataupun pembangunan aplikasi e-kamus, keterlibatan pakar bahasa Melayu, ahli etnolinguistik, pakar teknologi dan kepintaran buatan termasuk komuniti penutur Melayu adalah sangat penting terutama bagi memastikan ketepatan maklumat dan kesahihan budaya serta keterangkuman data yang dijadikan entri e-kamus. Kolaborasi antara penyelidik dan pembangun teknologi sememangnya turut penting dalam memastikan penghasilan e-kamus dapat berkembang menjadi sebuah repositori bahasa warisan yang lebih komprehensif, mapan dan relevan untuk kegunaan masa kini dan akan datang, sama ada untuk tujuan akademik, pengajaran dan pembelajaran ataupun untuk pembangunan negara secara keseluruhan khususnya menerusi matlamat pembangunan mapan.

Rujukan

- Ahmad Ya'qub al-Johori. (2021). *Lidah Melayu*. Akademi Jawi Malaysia.
- Aman, Rahim. (1998). Orang Melayu abad ke 17: Kajian lanjutan kosa kata Arkaik, morfologi, dan perubahan makna Kamus Bowrey. *Jurnal Dewan Bahasa*. 42(11). 1003-1013.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crystal, D. (2000). *Language and the internet*. Cambridge University Press.
- Dempwolff, O. (1934). *Comparative phonology of the Austronesian vocabulary, volume 1 inductive construction of an Indonesian Proto-Language*. Dietrich Reimer.
- Dempwolff, O. (1937). *Comparative phonology of the Austronesian vocabulary, volume 2 deductive application of urindonesian to Austronesian individual languages*. Dietrich Reimer.
- Dempwolff, O. (1938). *Comparative phonology of the Austronesian vocabulary, volume 3 Austronesian word list*. Dietrich Reimer.
- Dziemianko, Anna. (2010). Paper or electronic? the role of dictionary form in language reception, production and the retention of meaning and collocations. *International Journal of Lexicography*, volume 23(3): 257–273. Doi: <https://doi.org/10.1093/ijl/icc040>
- Forster, M. N. (2010). *After Herder*. Oxford University Press.
- Gonda, Jan. (1973). *Sanskrit in Indonesia*. International Academy of Indian Culture.
- Hashim Musa. (2006). *Melayu: Identiti dan peradaban*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. (1995). Utusan Publications & Distributors.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2004). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marsden, W. (1812). *A dictionary of the Malayan language: in two parts, Malayan and English and English and Malayan*. Cox and Baylis.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan* (Edisi ke-3). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azizah Othman. (2024). *Thomas Bowrey's (1701) 17th-century description of Malay*. Tesis doktor falsafah Department of Linguistics and Cultural Studies of the Johann Wolfgang Goethe-University at Frankfurt Am Main. https://publikationen.ub.uni-frankfurt.de/opus4/frontdoor/deliver/index/docId/81874/file/Full_Thesis_Engl_Vers_Nor_Azizah_Binti_Othman.pdf
- Raja Ariffin. (2001). Bahasa Melayu dalam warkah Melayu terpilih. *Jurnal Bahasa*, 1(2), 213-284.
- Regina Kana, Simon Jiack Aaron & Sandra Juky. (2025). Keberkesanan dan impak penggunaan teknologi kecerdasan buatan dalam pengajaran kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi murid Iban di sekolah rendah luar bandar di daerah Kapit. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 15(1): 49-59
- Shaharir Mohamad Zain. (2013). *Istilah dan konsep pengukuran tradisional Alam Melayu*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Shaharir Mohamad Zain. (2016). *Terukirnya bahasa Melayu dalam sains dan matematik Malayonesia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Shaharir Mohamad Zain. (2022). Beberapa isu pemeribumian linguistik bahasa Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 1(1): 1-49. Doi: <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.1>
- Shaharir Mohamad Zain. t.t. *Kamus bahasa Inggeris-Khmer Purba (Funan?)*. Manuskrip.
- Songshan Zhang, Xian Zhang, Hai Xu, Xiaoyi Hu. (2026). A bibliometric study of lexicography between 2003 and 2023. *International Journal of Lexicography*, Volume 39: 1-33. Doi:<https://doi.org/10.1093/ijl/ecaf033>
- Wilkinson, R. J. (2017). *A Malay-English dictionary*. Akademi Jawi Malaysia.
- Winchester, S. (2003). *The meaning of everything*. Oxford University Press.
- Wolff, J. U. (2010). *Proto-Austronesian phonology with glossary: Vol.1*. Southeast Asia Program Publications.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2019). *Bahasa Melayu kelebihan dan kekurangannya*. Akademi Jawi Malaysia.

Biodata Penulis

Dr. Mohd Tarmizi Hasrah merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Minat penyelidikan beliau mencakupi bidang dialektologi, linguistik sejarawi, sejarah bahasa dan falsafah bahasa.